



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA



# PKP 3.0

FASA 1 : 1-14 JUN 2021

## SEKTOR PENGANGKUTAN

### Pengangkutan Awam

#### 01. Kapasiti penumpang 50%

Semua pengendali **pengangkutan awam darat dan laut** dibenarkan beroperasi dengan kapasiti penumpang 50%.

#### 02. Syarikat penerbangan dikecualikan

Syarikat penerbangan **dikecualikan** berikutan peratusan penumpang yang sedia ada adalah rendah.

#### 03. Frekuensi atau kekerapan

Semua pengendali dibenarkan untuk **menentukan frekuensi atau kekerapan perkhidmatan masing-masing secara optimum** untuk mengelakkan kesesakan di terminal, platform dan stesen-stesen

#### 04. Patuhi SOP ditetapkan

Semua pengendali perlu memastikan **SOP yang ditetapkan MKN dan KKM dipatuhi sepenuhnya.**



[www.mot.gov.my](http://www.mot.gov.my)

motmalaysia ministryoftransportmy





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA



# PKP 3.0

FASA 1 : 1-14 JUN 2021

## SEKTOR PENGANGKUTAN

### Logistik

#### 01. Beroperasi pada tahap optimum

Syarikat logistik, lapangan terbang dan pelabuhan (untuk senarai penuh, sila rujuk pautan di bawah) **dibenarkan beroperasi pada tahap optimum.**

#### 02. Definisi syarikat logistik

Syarikat logistik adalah **syarikat yang berkaitan dengan pengangkutan darat, laut dan udara serta pengendalian barangan termasuk perniagaan e-dagang.**



#### 03. Sistem Maklumat Industri Logistik (SMILE)

**MOT akan mengeluarkan surat kelulusan baharu** untuk membolehkan syarikat yang berdaftar di bawah SMILE dapat beroperasi.

#### 04. Surat kelulusan baharu

Semua surat yang dikeluarkan di bawah SMILE sebelum ini adalah **terbatal dan tidak sah.** Surat kelulusan baharu kini boleh dimuat turun di **application.mot.gov.my**



[www.mot.gov.my](http://www.mot.gov.my)

motmalaysia ministryoftransportmy





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA



# PKP 3.0 **FASA 1 : 1-14 JUN 2021** SEKTOR PENGANGKUTAN

## Institut Latihan

Susulan penularan wabak COVID-19 yang masih melanda negara adalah dimaklumkan bahawa **semua aktiviti pangajaran dan pembelajaran di insitut sekolah memandu, latihan udara dan maritim tidak dibenarkan beroperasi.**



[www.mot.gov.my](http://www.mot.gov.my)

motmalaysia ministryoftransportmy





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA



# PKP 3.0

FASA 1 : 1-14 JUN 2021

## SEKTOR PENGANGKUTAN

### Kenderaan Persendirian

#### 01. Pemandu dan penumpang dua (2)

Hanya dua (2) orang **termasuk pemandu dibenarkan** menaiki sebuah kenderaan persendirian tanpa **mengira kapasiti kenderaan**.

*dua(2)*  
termasuk  
pemandu dan  
penumpang

#### 02. Kapasiti 3 (tiga) termasuk pemandu

**Tiga (3) termasuk pemandu** bagi tujuan perubatan (seperti **janji temu hospital** berserta surat pengesahan doktor atau **vaksinasi yang disahkan** melalui aplikasi Mysejahtera) atau bagi **tujuan kecemasan**.

#### 03. Patuhi SOP ditetapkan

Semua penumpang dan pemandu perlu mematuhi **SOP yang ditetapkan oleh MKN dan KKM dipatuhi sepenuhnya**



[www.mot.gov.my](http://www.mot.gov.my)

motmalaysia ministryoftransportmy





KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA



# PKP 3.0

FASA 1 : 1-14 JUN 2021

## SEKTOR PENGANGKUTAN

### Teksi dan Kenderaan E-Hailing

#### 01. Pemandu dan penumpang dua (2)

Hanya dua (2) orang **termasuk pemandu dibenarkan** menaiki sebuah teksi atau kenderaan e-hailing dalam satu masa tanpa **mengira kapasiti kenderaan. Penumpang hendaklah duduk di tempat duduk belakang.**

*dua(2)*  
termasuk  
pemandu dan  
penumpang

#### 02. Kapasiti 3 (tiga) termasuk pemandu

**Tiga (3) termasuk pemandu** dibenarkan menaiki sebuah teksi atau kenderaan e-hailing bagi bagi tujuan perubatan (seperti **janji temu hospital** berserta surat pengesahan doktor atau **vaksinasi yang disahkan** melalui aplikasi Mysejahtera) atau bagi **tujuan kecemasan.**

#### 03. Patuhi SOP ditetapkan

Semua penumpang dan pemandu perlu mematuhi **SOP yang ditetapkan oleh MKN dan KKM dipatuhi sepenuhnya**



[www.mot.gov.my](http://www.mot.gov.my)

motmalaysia ministryoftransportmy



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN  
MALAYSIA



Bersama  
Hentikan  
Wabak  
Covid-19

# MAKLUMAN

Bermula **1 JUN 2021**, semua surat yang telah dikeluarkan oleh MOT adalah **tidak sah**. Pihak industri logistik perlu **memuat turun surat terkini di Sistem Maklumat Industri Logistik (SMILE) [application.mot.gov.my](http://application.mot.gov.my)**

[www.mot.gov.my](http://www.mot.gov.my)

  [motmalaysia](https://www.facebook.com/motmalaysia)  [ministryoftransportmy](https://www.instagram.com/ministryoftransportmy)